



SIARAN AKHBAR

AMARAN PENIPUAN KEWANGAN

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin menasihatkan orang ramai untuk berhati-hati apabila berhubung dengan individu-individu yang tidak dikenali terutamanya melalui emel, media sosial atau internet, dimana individu tersebut kemungkinan berniat untuk memperdaya orang ramai supaya membuat pembayaran pendahuluan bagi barangan, perkhidmatan dan/atau keuntungan wang yang tidak wujud.
2. Pada lazimnya, skim penipuan akan mengandungi perkara-perkara berikut:-
 - memenangi wang tunai atau hadiah;
 - tawaran bagi pekerjaan yang mudah dengan gaji yang lumayan;
 - wang tunai berjumlah besar yang susah untuk dikeluarkan disebabkan peraturan kerajaan; atau
 - tawaran untuk melabur dalam skim berisiko rendah dengan pulangan tinggi yang dijamin.
3. Selain itu, individu yang tidak dikenali ini akan menghendaki satu pembayaran sebelum wang atau perkhidmatan yang dijanjikan dapat diberikan. Individu yang tidak dikenali juga mungkin akan mencuba untuk meminta butiran akaun peribadi.
4. Jika anda pernah dihubungi atau menerima apa-apa tawaran daripada individu yang tidak dikenali seperti di atas, adalah dinasihatkan untuk:-
 - tidak melayan sebarang tawaran berinsentif;
 - tidak menghantar sebarang pembayaran walaupun berjumlah kecil; dan
 - tidak memberikan butiran akaun peribadi kepada sesiapaapun dalam apa jua keadaan.
5. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD samada melalui AMBD App yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android, atau melalui talian 2388388 atau melalui emel info@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 27 Rabiulawal 1438/ 27 Disember 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3